

Doktor yang suka menunggang kuda

UM 31/10/2003 - 23 PRECISE

PERDANA Menteri sebenarnya mula meminati aktiviti menunggang kuda selepas beliau menerima hadiah dua ekor kuda daripada bekas Presiden Pakistan General Zia Ul-Haq pada 1987. Demikian dinyatakan oleh pakar psikiatri, Tan Sri Mahadevan, yang banyak bersama Perdana Menteri ketika masih belajar menunggang kuda.

Bagaimanapun, dua ekor kuda itu tidak sesuai digunakan untuk belajar menunggang kerana dianggap tidak 'bersopan,' kata Mahadevan seorang pakar psikiatri yang cukup dikenali di negara ini.

Tidak lama selepas itu, Perdana Menteri belajar menunggang kuda dari seorang jurulatih bernama Rosemary Beaton.

Perdana Menteri kemudiannya hanya mengambil masa kira-kira tiga bulan sebelum akhirnya mahir menunggang kuda.

Dr. Mahathir sebenarnya sudah lama mengenali aktiviti menunggang kuda tetapi bukan sebagai penunggang.

Pada 1960-an, Perdana Menteri yang membuka Klinik Maha sering dipanggil merawat mana-mana penunggang kuda yang cedera ketika pertandingan diadakan di Alor Star.

Perdana Menteri menolak untuk terlibat kerana berpendapat beliau hanyalah seorang doktor ketika itu.

Menurut Mahadevan, hanya selepas dihadiahkan dua ekor kuda oleh bekas Presiden Pakistan, minat mula berkembang.

Malah katanya selepas Perdana Menteri menjalani pembedahan pintasan jantung, beliau dikatakan sering berkunjung ke Kelab Polo Diraja Selangor di Jalan Ampang Hilir untuk bersenam.

Beliau (Dr. Mahathir) tidak menunggang tetapi akan berjalan



MAHADEVAN



DR. MAHATHIR bersama kudanya.

cepat bersama penunggang kuda lain," katanya.

Menurut Mahadevan, 74, Dr. Mahathir berpendapat menunggang kuda satu aktiviti yang bagus kerana ia menggerakkan badan kesemua arah termasuk gerakan ke bawah dan atas.

Selain itu, aktiviti menunggang kuda juga memerlukan tumpuan dan penunggang perlu sentiasa mengawal kuda dan berwaspada daripada kemungkinan yang buruk.

"Barangkali prinsip ini beliau bawa semasa memegang jawatan Menteri Kewangan iaitu menteri yang memerlukan keadaan bersiap sedia sepanjang masa bagi mengelakkan sebarang kemungkinan buruk," katanya berseloroh.

Hari ini Perdana Menteri terus aktif dalam aktiviti tersebut meskipun usianya yang semakin meningkat.

Malah menurut Mahadevan beliau pernah memujuk Perdana Menteri supaya terlibat dalam sukan polo yang merupakan sebahagian daripada aktiviti menunggang kuda.

